

**Seminar Kepustakawanan 2013: Transformasi Perpustakaan Ke
Arah Pembudayaan Ilmu, 26-27 September 2013 Auditorium
PKMA Unimas**

**Teks Ucapan Aluan Puan Margaret Simeng, Ketua Pustakawan
Unimas Pada Majlis Perasmian Seminar 26 September 2013**

Terima Kasih, Saudara/i Pengacara Majlis

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Yang Berbahagia, Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi
Naib Canselor UNIMAS

Yang Berbahagia, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, TNC Hal
Ehwal Pelajar & Ulumni

Yang Dihormati

Tn Haji Amir Hussain Md Ishak, Ketua Pustakawan Universiti
Putra Malaysia
Merangkap Pengerusi Persidangan Perpustakaan Universiti dan
Perpustakaan Negara (PERPUN) dan Majlis Ketua Pustakawan
IPTA

Pemangku Pendaftar UNIMAS

Bendahari Unimas

Ketua-Ketua Pustakawan IPTA/IPTS dan Perpustakaan Awam
seluruh Malaysia

Dekan-Dekan, Pengarah-pengarah, Ketua-Ketua Bahagian

Tuan-tuan serta puan-puan yang saya hormati sekalian.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan mengalu-alukan kehadiran para hadirin di majlis Perasmian Seminar Kepustakawanan 2013 pada pagi ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih khususnya kepada Yang Berbahagia, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi, Naib Canselor UNIMAS di atas kesudian untuk hadir merasmikan dan menyampaikan Ucaptama Seminar Kepustakawanan 2013. Sesungguhnya kehadiran Yang Berbahagia Profesor Dato' benar-benar memberi makna kepada kita semua.

Tema Seminar Kepustakawanan 2013 adalah 'Transformasi Perpustakaan ke Arah Pembudayaan Ilmu'. Tema ini dipilih kerana perpustakaan harus terus cemerlang mengikut perubahan-perubahan yang berlaku pada masa ini. Perubahan yang pesat berlaku pada ketiga-tiga aspek ia itu ekonomi, *ICT* dan sosial telah mengubah dunia maklumat dan masyarakat. Dunia telah menjadi begitu kecil dan tanpa sempadan serta teknologi yang telah berjaya menghubungkan manusia di mana jua mereka berada. Kita sekarang sudah berada di dalam dunia internet dan sudah terlalu *overconnected*. Revolusi digital telah mengubah cara masyarakat berinteraksi, cara mencari dan berkongsi maklumat, peralatan-peralatan *ICT* atau enjin-enjin pencarian yang digunakan oleh generasi masa kini. Pelajar generasi sekarang juga hampir semua sudah mengubah cara mereka berkomunikasi, mencari maklumat. Malah keseluruhan pengalaman pembelajaran mereka telah berubah. Mengikut Marc Prensky di dalam "Digital Natives, Digital Immigrants," secara purata pelajar kolej masa kini membaca kurang dari 5000 jam tetapi menghabiskan lebih dari 10,000 jam bermain mainan

video. Ini tidak termasuk mereka menonton tv. Ini senario di Amerika Syarikat, di Malaysia mungkin lebih kurang sama. Jadi kita boleh lihat pengaruh ICT terhadap gabungan pengalaman harian pelajar secara fizikal dan maya mempunyai impak yang begitu signifikan ke atas cara pelajar belajar dan ekspektasi mereka tentang interaksi. Ini sudah tentu akan mewujudkan pengalaman-pengalaman pembelajaran interaktif dan sosial dengan perpustakaan secara fizikal dan maya.

Hasrat Negara untuk mensejahterakan masyarakat serta meningkatkan ekonomi berasaskan *R & D*, Pustakawan dan Pengurus Maklumat perlu kreatif dan berinovasi bagi mencari strategi-strategi untuk menyumbang ke arah menjayakan hasrat kerajaan tersebut. Dengan itu kita perlu memasyarakat dan memartabatkan perpustakaan supaya terus relevan selari dengan matlamat pelan strategi negara. Memandangkan perpustakaan menyimpan khazanah ilmu yang tiada bandingan nilainya kita seharusnya lebih kreatif dan bertanggungjawab untuk merakyatkan ilmu. Pustakawan perlu mengambil peluang keemasan serta mengeksplotasikan perkembangan yang berlaku dalam teknologi, kemudahan *ICT* untuk merekayasa sumber ilmu yang ada untuk manfaat masyarakat.

Sumbangan para pustakawan kepada masyarakat sangat diperlukan memandangkan sumber ilmu ada dalam tangan kita, kemahiran menguruskan maklumat ada pada kita dan adalah menjadi tanggungjawab sosial perpustakaan untuk menyumbang kepada masyarakat, sama-samalah kita mengambil inisiatif untuk memastikan masyarakat kita terus menimba ilmu sepanjang hayat atau pembelajaran sepanjang hayat. Kita perlu bijak menambah nilai kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan ekoran daripada perkembangan dalam ketiga-tiga aspek yang disebut di atas supaya membawa kepada penghasilan yang positif. Sama-samalah para pustakawan bijak mengeksplotasikan perkembangan yang pesat berlaku dalam media sosial bagi kebaikan masyarakat sebab kita sedia maklum masyarakat bermaklumat tidak bererti masyarakat berilmu.

Dengan erti kata lain, maklumat yang diperolehi perlu digunakan ke arah perkara yang baik, yang boleh meningkatkan kualiti hidup. Ilmu yang diperolehi dapat dimanfaatkan sehingga teretusnya idea kreatif, diaplikasikan dan akhirnya membawa kepada inovasi yang positif yang dapat membawa kepada kesejahteraan rakyat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Adalah menjadi harapan kita supaya para peserta seminar ini dapat memikirkan serta berkongsi sama idea-idea baru yang pelbagai dan bernas bagi membantu kita di dalam melaksanakan serta mempertingkatkan tanggungjawab kita sebagai pustakawan, melihat kepada perubahan yang berlaku sekeliling kita pada hari ini. Semoga semua mendapat manfaat daripada pembentangan kertas kerja kertas kerja serta sesi soal jawab nanti.

Dikesempatan ini saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ketua Pustakawan IPTA/IPTS/Perpustakaan Awam, pembentang kertas kerja, Pengurusan tertinggi Unimas, pihak Unit Komunikasi Korporat UNIMAS, Unit Pembangunan Modal Insan UNIMAS, pembekal-pembekal, pemamir-pemamir serta penaja-penaja yang terlibat sama di dalam penganjuran Seminar ini. Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada JK Pelaksana yang telah bekerja keras untuk menjayakan majlis kita pada pagi ini.

Akhir kata, saya bagi pihak Pusat Khidmat Maklumat Akademik sekali lagi ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berbahagia, Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi, Naib Canselor UNIMAS, kerana sudi hadir dan menyempurnakan majlis perasmian Seminar Kepustakawanan 2013 pada pagi yang mulia ini.

Sekian, Terima Kasih.